

Pelaksanaan Jawi , Al-Quran, Bahasa Arab , Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi

Safarina Ujang, Norshidah Mohamad Salleh

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: safar_ed@yahoo.com

Abstrak : Artikel ini adalah satu meta analisis berkaitan program j-QAF yang dilaksanakan di Malaysia dalam program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI). Oleh sebab kebanyakan Guru Pendidikan Islam yang melaksanakan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi adalah tidak berlatarkan belakangkan pengkhususan dalam bidang Pendidikan Khas maka terdapat permasalahan yang dihadapi oleh guru sebagai pelaksanaannya. Objektif artikel ini ialah untuk mengenal pasti pengetahuan Guru Pendidikan Islam (GPI) melaksanakan j-QAF dalam program Pendidikan Khas. Selain itu tujuannya adalah untuk mengetahui tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. 34 artikel telah dianalisis berkaitan dengan kata kunci yang berkaitan dengan program j-QAF . Artikel yang dirujuk bagi reka bentuk kajian meta analisis ini didapati daripada Jurnal Pendidikan Islam, Jurnal Pendidikan dan prosiding yang dicapai menggunakan pangkalan data EBSCOHOST . Dapatan daripada analisis artikel ini menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkaitan pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas masih berada pada tahap sangat rendah. Manakala tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam melaksanakan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi adalah sederhana dan perlu kepada pengukuhan pedagogi pengajaran Murid Berkeperluan Khas. Hasil daripada penulisan artikel ini akan dapat menambah pengetahuan dan memperbaiki amalan pengajaran serta memantapkan pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi.

Kata Kunci: j-QAF, Guru Pendidikan Islam, Program Pendidikan Khas, Bermasalah Pembelajaran, Pengetahuan, Peranan GPI

Pelaksanaan Program j-QAF di Pendidikan Khas di Malaysia adalah suatu usaha kerajaan dalam memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam di Pendidikan Khas untuk murid-murid berkeperluan khas terutamanya terhadap murid kategori bermasalah pembelajaran. Perkataan j-QAF adalah akronim atau singkatan bagi Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang telah di perkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2005. Melalui program j-QAF ini penekanan diberikan khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran berasaskan Model Kaedah Iqra' dan pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain adalah menggunakan Model Amali Solat serta dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Model-model tersebut telah di ubahsuai mengikut keupayaan serta penguasaan murid berkeperluan khas. Pelaksanaan j-QAF di Pendidikan Khas di laksanakan di dalam Program Pendidikan Khas Intergrasi (PKKI) adalah berdasarkan pekeliling KPM Bil 2./2007 bertarikh 15 sehingga 17 Jun 2007. (Kementerian Pelajaran Malaysia,2007).

Kurikulum j-QAF pendidikan khas ini telah diubahsuai mengikut tahap penguasaan murid berkeperluan khas di samping menggunakan peruntukan Tabel waktu sedia ada. Kepentingan program j-QAF di Pendidikan Khas juga amat menitik beratkan penguasaan bacaan al-Quran dan Amali Solat di kalangan murid berkeperluan khas (Sabariah Bahrun, Saiful Akhyar Lubis, & Fakhru Adabi Abdul Kadir,

2014). Di samping itu juga, kemahiran yang dipelajari oleh murid-murid di aliran perdana turut diterapkan supaya modul-modul yang dipelajari di dalam program tersebut dapat diamalkan dalam kehidupan seharian di kalangan murid berkeperluan khas. Daripada sudut perkembangan sudut fizikal murid-murid bermasalah pembelajaran adalah terhad disebabkan kepelbagaian kekurangan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka (Yusoff, 2014). Oleh yang demikian, strategi bagi memperkukuhkan mata pelajaran Pendidikan Islam murid bermasalah pembelajaran perlu dirancang dan disusun sebaiknya. Ini bagi memastikan matlamat Pendidikan Islam terhadap murid bermasalah pembelajaran tercapai.

Selain daripada itu seperti yang diketahui bahawa GPI mempunyai asas mengenai Pendidikan Islam tetapi kurang mempunyai pengetahuan berkaitan bidang pendidikan khas. Guru Pendidikan Islam hanya dihantar berkursus dalam jangka masa yang singkat dan hanya segelintir sahaja yang mempunyai Diploma Perguruan Pengkhususan Pendidikan Khas. Malah situasi ini menjadi kebimbangan kepada GPI apabila dikehendaki mengajar murid-murid berkeperluan khas. Justeru itu, objektif artikel ini ialah untuk mengetahui tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. Selain itu, ia juga adalah untuk mengetahui tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan program j-QAF terhadap murid

bermasalah pembelajaran.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 (perkara 124) mewajibkan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam kepada semua murid sekolah yang beragama Islam. Selain itu, Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50, pula telah menetapkan bahawa jika dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang beragama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberi pendidikan dan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tempoh pengajarannya pula ialah sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa dalam tiap-tiap institusi pendidikan itu atau dalam apa-apa waktu lain yang telah ditetapkan oleh menteri dalam hal mana-mana institusi pendidikan yang tertentu.

Murid yang berada di dalam kelas PPKI bermasalah pembelajaran tidak terkecuali dalam mendapat hak pendidikan di Malaysia serta mendapat peluang untuk mempelajari Pendidikan Islam yang merupakan teras pembentukan aspek rohani seseorang individu itu (Bhasah Abu Bakar et al., 2012). Melalui Pendidikan Islam, murid-murid PPKI berpeluang untuk meningkatkan ilmu keagamaan, memperkembangkan kemahiran dari segi sosial, memperolehi kelayakan akademik yang lebih meluas dan berpeluang untuk menjana minda serta idea mereka. Semua pengalaman ini adalah amat berguna dan penting dalam usaha bagi memantapkan sahsiah mereka sebagai modal insan yang berguna. Pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi masalah pembelajaran untuk mempelajari Pendidikan Islam (Hajarul dkk, (2010). Justeru, pemerksaan pengurusan Pendidikan Islam dalam pelaksanaan program j-QAF pendidikan khas ini memerlukan langkah yang sistematik dalam memastikan keberkesanan program ini setelah kerajaan memberikan sepenuh tenaga dan usaha yang berterusan bagi memastikan mereka yang berhak turut mendapat pendidikan yang sepatutnya.

Menurut Sabariah Bahrin et al., (2014) menyatakan ilmu j-QAF dilihat sebagai kandungan ilmu yang hendak disampaikan kepada pelajar. Sehubungan dengan itu ilmu pendidikan khas yang berkaitan dengan memahami ciri-ciri pelajar, hak untuk mendapat pendidikan sebagai yang diperuntukkan dalam peraturan dan undang-undang dan tatacara membuat pentaksiran terhadap murid pendidikan khas sebagai pelengkap kepada pedagogi. Tanpa pengetahuan tentang ilmu pendidikan khas sukar bagi guru untuk mengendalikan kelas murid pendidikan khas kerana setiap murid pendidikan khas memiliki ciri-ciri yang tersendiri yang sangat berbeza berbanding murid arus perdana Vaughn; B. (2009). Oleh itu, sebagai guru yang melaksanakan program j-QAF perlu menguasai ilmu pendidikan khas untuk menjadi guru yang berjaya.

Dalam usaha dan kesungguhan menyelesaikan masalah ini sebagai guru Pendidikan Islam perlu berusaha untuk menguasai sesuatu kemahiran. Seorang pendidik seharusnya tampil dengan pedagogi pengajaran yang variasi dan pelbagai serta sesuai dengan situasi dan isi kandungan pelajaran (Kamarul Azmi Jasmi, 2013). Mempunyai ilmu pengetahuan bagi seorang guru belum mencukupi, tetapi Guru pendidikan Islam dituntut untuk mampu menyampaikan pengetahuannya kepada murid dengan menggunakan kaedah yang sesuai (Abdullah Ishak 1989; Sidek 2006; Ahmad Yunus 2011; Ab. Halim 2012; Ibrahim 2012; Nur Hanani et al. 2012). Untuk melahirkan seseorang individu seperti yang dinyatakan mestilah melalui satu sistem pendidikan yang mengikut kepada ajaran al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w (Jasmi & Nawawi, 2012). Jika dilihat dari sudut falsafah pendidikan Islam itu sendiri Falsafah Pendidikan Islam adalah menjurus kepada satu usaha berterusan yang bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari aspek spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang bertanggungjawab terhadap Allah, manusia dan persekitaran alam ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Supyan H. (2014).

Bagi mempersiapkan murid-murid bermasalah pembelajaran ini dalam kehidupan bermasyarakat terutama dari sudut ibadat memerlukan kesabaran dan usaha yang tidak berbelah bahagi. Ilmu yang disampaikan perlu melalui pelbagai kaedah pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal dan seharusnya menekankan kepada teori dan amali (Yee et al., 2013). Selain itu, hasil pembelajaran yang menjadi indikator kepada pencapaian objektif yang ditetapkan akan lebih memberi kesan sekiranya setiap ilmu yang disampaikan dapat mempengaruhi kelakuan kepada setiap segi kehidupan seseorang manusia. Menurut (Velloo, 2011) pembelajaran adalah proses di mana pengalaman menyebabkan perubahan dalam pengetahuan dan tingkah laku yang kekal. Ini menunjukkan bahawa seandainya cara dan gaya penyampaian sesuatu ilmu itu berkesan, maka ianya akan turut memberikan kesan yang positif dalam kehidupan seseorang.

Di dalam Program j-QAF Pendidikan Khas, murid berkeperluan khas dibahagikan kepada tiga kategori iaitu yang bermasalah pembelajaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013). Setiap kategori Murid Berkeperluan Khas (MBK) mempelajari bidang-bidang yang telah ditetapkan di dalam Pendidikan Islam berdasarkan Model-model yang telah diubahsuai khas untuk Program j-QAF di Pendidikan Khas. Fokus kepada murid bermasalah

Tabel 1: Sekolah dan Model-Model Program j-QAF (Buku Panduan j-QAF)

Jenis Sekolah	Model-model Program J-QAF				
	Model Khatam Al-Quran	Model Tasmik	Mata Pelajaran Bahasa Arab	Model Pemulihan Jawi	Model Bestari Solat
SK	√	√	√	√	√
SJK	√	√	-	√	√
SABK	√	√	√	√	√
K9	√	√	√	√	√
(Tahun 1-6)					
Sekolah Sukan	√	√	-	√	√
SKPK	√	√	-	√	√
(Penglihatan)					
SKPK	√	√	-	√	√
(Pendengaran)					
PPKI	√	√	-	-	√
(Pembelajaran)					
PPKI	√	√	√	√	√
(Penglihatan)					
PPKI	√	√	-	√	√
(Pendengaran)					
Sekolah Jalanan	√	√	-	√	√
Kasih Model Khas	√	√	√	√	√

Tabel 2: Bilangan Program Pendidikan Khas Integrasi dan Unjuran Guru j-QAF di Pendidikan Khas 2008-2014 Sumber: Buku Panduan j-QAF Pendidikan Khas

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Bil. Program Pend. Khas Integrasi	30	60	230	369	501	613	700
Bil Guru j-QAF di PPKI	30	60	230	369	501	613	700

Fokus kepada murid bermasalah Pembelajaran adalah menggunakan Model Kaedah Iqra' dan Model Amali Solat yang tidak mengikut modifikasi dari aliran perdana. Manakala Murid Berkeperluan Khas bermasalah penglihatan mengikut Model Pelajaran Jawi, Model Tilawah al-Quran, Model Bahasa Arab dan Model Amali Solat serta mengikut modifikasi dari aliran perdana. Bagi MBK bermasalah pendengaran pula cuma mengikut Model PdP Pelajaran Jawi, Model PdP Tilawah al-Quran dan Model PdP Amali Solat serta mengikut modifikasi dari aliran perdana. Tabel 1 menunjukkan model-model yang digunakan oleh sekolah-sekolah yang mengikut kategori masing-masing

Dalam pelaksanaan sesuatu program akan terdapat beberapa kekangan dan halangan. Di antara kekangan tersebut ialah keadaan seperti di pedalaman di Sabah dan Sarawak menunjukkan bilangan guru j-QAF masih tidak mencukupi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Mohd Aderi dan Rohani (2010) yang menyatakan Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah tidak dapat berjalan dengan lancar dan sempurna disebabkan kekurangan guru Pendidikan Islam itu sendiri. Apabila masalah kekurangan guru tidak diatasi akan mendatangkan masalah kepada pelaksanaan sesebuah program yang telah dirancang dan memerlukan cadangan dan tindakan dalam mengatasi masalah tersebut. Bilangan tenaga pengajar bagi guru-guru j-QAF perlu ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan penambahan jumlah pelajar. Dewasa ini, jumlah penempatan guru-guru j-QAF adalah dari jumlah bilangan kelas mengikut sekolah. Selain dari faktor bilangan kelas penempatan guru-guru j-QAF juga perlu berdasarkan jumlah bilangan pelajar sesebuah sekolah bagi memastikan kelancaran program j-QAF (Mohd Azmir & Mohd Azrani 2010). Tabel 2 ialah unjuran guru Pendidikan Islam di Pendidikan Khas daripada tahun 2008 sehingga 2014

Daripada Tabel 2 berikut menunjukkan terdapat peningkatan daripada tahun 2008 ke tahun 2014 agar pelaksanaan program j-QAF di Pendidikan Khas Integrasi dapat berjalan dengan lancar seiring dengan matlamatnya iaitu memperkasa pendidikan Islam. Ini juga memberikan gambaran bahawa setiap tahun pertambahan guru Pendidikan Islam yang ditempatkan di Pendidikan Khas Integrasi turut memberikan kesan positif kepada murid berkeperluan khas. Tugas yang diamanahkan kepada guru-guru pendidikan Islam mempunyai peranan yang sama besar dengan guru-guru akademik di aliran perdana. Guru-guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan standard kandungan dan standard pembelajaran malahan seharusnya berkemampuan untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah. Murid-murid bukan sekadar hanya memahami dan mengetahui setiap ilmu yang telah dipelajari. Mereka juga diharapkan agar dapat membina jati diri,

bermanfaat kepada masyarakat, seterusnya kepada alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat (Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid, 2011). Hanya guru-guru yang dapat menghayati tuntutan ajaran Islam sepenuhnya mampu melaksanakan tugas yang diberikan. Guru yang baik adalah guru yang sentiasa mahu mempertingkatkan diri dan melihat di mana kelemahan diri untuk diperbaiki dari semasa ke semasa.

Cabaran dalam menyampaikan Pendidikan Islam kepada murid berkeperluan khas adalah suatu perkara yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak terutamanya Guru Pendidikan Islam. Ini adalah kerana setiap murid-murid berkeperluan khas dan pelbagai kategori seperti bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran mempunyai sifat yang pelbagai dan berbeza dari segi kebolehan, minat dan keperluan terhadap pembelajaran (Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, 2010). Oleh yang demikian program j-QAF juga sedaya upaya memenuhi keperluan rohani murid-murid ini khasnya murid bermasalah pembelajaran yang mempunyai masalah dalam kognitif dan memberi keseimbangan ilmu dunia dan akhirat.

Kualiti dan pengalaman guru dalam mendidik merupakan satu isu yang sering diperkatakan oleh pelbagai pihak terutama dalam menentukan hasil pengajaran guru tersebut. Oleh yang demikian isu ini juga sering diperkatakan terhadap keberkesanan kepada program j-QAF yang telah pun di laksanakan. Dapatan kajian oleh Asmawati (2014) dalam tinjauannya terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat yang menegaskan bahawa kebanyakan guru kurang mempunyai pengalaman dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran akan memberikan kesan kepada anak didik mereka. Daripada dapatan kajian tersebut pengkaji merumuskan bahawa apabila guru Pendidikan Islam yang mengajar di Pendidikan Khas sekiranya kurang pengalaman akan memberikan kesan kepada pelaksanaan program j-QAF khususnya.

Kesan daripada pengaruh ini akan menyebabkan guru Pendidikan Islam yang ditempatkan di Pendidikan Khas yang berhadapan dengan kepelbagaian tingkah laku murid mudah hilang kawalan emosi dan bertindak melayan anak-anak istimewa ini seperti kanak-kanak tipikal. (Abd Aziz Mahayudin, 2012) pula menjelaskan bahawa didapati kelemahan daripada aspek pengurusan bilik darjah sangat ketara seperti memulakan pengajaran sebelum murid bersedia, tidak mepedulikan murid di bahagian belakang dan lambat atau tidak menghalang perlakuan negatif yang menyebabkan gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai guru yang mengajar pendidikan khas, selain menguasai ilmu asas Pendidikan Islam mereka perlu menguasai ilmu tambahan iaitu ilmu berkaitan dengan murid-murid pendidikan khas yang meliputi aspek mengenali

pendidikan khas, pentaksiran murid pendidikan khas, terapi murid pendidikan khas dan pengurusan tingkah laku.

Kajian yang dijalankan oleh Samsudin Md Noor, (2012) berkaitan aspek penglibatan murid menunjukkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru j-QAF. Wujudnya interaksi antara murid dengan guru serta murid dengan murid serta murid banyak bertanya kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran dan berlumba-lumba menjawab pertanyaan guru. Berkaitan dengan pernyataan tersebut guru pendidikan Islam juga perlu merangsang motivasi murid berkeperluan khas serta menarik minat mereka untuk turut serta dalam aktiviti yang di jalankan oleh guru. Menurut (Ad Nor Azli Ismail & Jamil Ahmad, 2014), penglibatan murid secara aktif dalam proses pembelajaran membolehkan minda mereka berkembang. Bagi menggalakkan penyertaan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, guru boleh mengadakan gerak kerja kumpulan supaya murid dapat berinteraksi sesama mereka sewaktu perbincangan dijalankan (Muhamad Suhaimi Taat, 2014). Oleh itu, bagi murid berkeperluan khas belajar secara kumpulan kecil dapat membantu mereka bergaul dan bersosial walaupun terdapat perbezaan sama ada daripada bentuk fizikal atau pun kognitif. Selain itu, pengajaran berbentuk amali juga tidak ketinggalan boleh diamalkan oleh guru Pendidikan Islam terhadap murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Pengajaran berbentuk amali sangat bersesuaian dengan matlamat program j-QAF di mana model yang di laksanakan dalam kelas pendidikan khas integrasi ialah model Amali Solat. Murid berkeperluan khas melakukan amali berdasarkan kebolehan dan kemampuan mereka.

Seterusnya kajian berkaitan tentang amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah seperti kajian oleh (Khairul Anwar Abu Bakar, 2014) pula mendapati responden kajiannya bersetuju bahawa catatan refleksi sangat signifikan dan relevan bagi meningkatkan keberkesanan praktikum dan pembangunan kerjaya seseorang guru. Guru Pendidikan Islam juga tidak ketinggalan untuk melakukan refleksi setiap kali berakhirnya pengajaran di dalam bilik darjah (Hamdi Ishak, 2011). Pengkaji amat bersetuju dengan amalan ini dan semua guru perlu memahami dengan jelas tentang aspek elemen amalan ini agar pelaksanaan program j-QAF akan berjaya sepenuhnya. Pengalaman guru menerapkan elemen amalan dapat dijadikan panduan dan melakukan penambahbaikan terhadap usaha yang sedia ada (Fathiyah, et.al 2013). Kajian oleh Mohd Azmir; Mohd Nizah (2015) yang mendapati faktor murid-murid lemah dalam Pendidikan Islam adalah berpunca daripada minat, penguasaan bidang Jawi dan amalan pengajaran yang membosankan masih belum dapat ditangani. Kajian yang dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah,

Tabel 3: Tahap Pengetahuan Guru dan Kesediaan Guru.

Penulis	DAPATAN
(2013) Abdullah bin Yusoff, Che Rabiaah binti Mohamed, Che Noorwani binti Che Wil, Azhari bin Muhamood, Halim bin Wan Ibrahim	Tahap pengetahuan guru pelatih j-QAF terhadap Pendidikan Khas sangat rendah sebelum mereka mengikuti latihan.
(2013) Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol	Dari aspek pengetahuan dan kefahaman guru terhadap isi kandungan sukatan pelajaran, program j-QAF ini dapat di laksanakan di sekolah
(2015) Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd. Ghani	-Berdasarkan tahap kesediaan guru dimensi perkongsian tanggungjawab, mendapati guru sudi belajar daripada guru-guru lain yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu.
(2013) Md Zuki Hashim	- Tahap persediaan dan sokongan dalam melaksanakan memperlihatkan bahawa guru bersetuju pada tahap sederhana.

turut mendapati minat terhadap guru Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang positif terhadap minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

METODE

Kajian ini ialah berbentuk meta analisis di mana penggunaan menganalisis jurnal dan prosiding berkaitan dengan pelaksanaan j-QAF dalam program Pendidikan Khas di Malaysia. Pangkalan data dicapai menggunakan pangkalan data EBSCOHOST iaitu bahan yang dianalisis didapati daripada Jurnal Pendidikan Islam, Jurnal Pendidikan dan Jurnal Pedagogi Pengajaran serta prosiding yang berkaitan dengan tajuk kajian. 34 jurnal telah dianalisis didapati 11 artikel berkaitan tajuk artikel dan berikut adalah dapatan dan penemuan berdasarkan kata kunci j-QAF, Guru Pendidikan Islam, Pengetahuan dan Tahap kesediaan GPI dapat dilihat pada tabel 3.

Berdasarkan gambar tabel 3, didapati sebanyak 34 artikel yang ditemui menceritakan secara meluas tentang penubuhan j-QAF di Malaysia. Walau bagaimana pun pencarian artikel berkaitan dengan Guru

Pendidikan Islam terdapat 28 artikel yang menyentuh isu j-QAF dan GPI. Seterusnya aspek pengetahuan dan tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam terdapat 11 artikel yang membincangkan isu tersebut. Selain itu, dalam konteks murid bermasalah pembelajaran bagi mendapat pendidikan secara formal Subjek pendidikan Islam didapati satu artikel telah membincangkan perkara yang berkaitan. Oleh yang demikian, bagi kajian ini yang berbentuk tinjauan secara sistematik berkaitan artikel dengan j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pengetahuan dan tahap kesediaan GPI dengan lebih terperinci dalam dapatan, perbincangan dan implikasi.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Hasil

Setelah meneliti secara sistematik 34 artikel-artikel berkaitan program j-QAF didapati terdapat 1 artikel yang menjelaskan hak-hak serta peraturan-peraturan bagi Murid Berkeperluan Khas dalam pelbagai kategori dalam pendidikan terutamanya mata pelajaran Pendidikan Islam. Artikel menjelaskan bahawa hak pendidikan terhadap golongan ini tidak boleh diabaikan terutamanya dalam mempelajari Pendidikan Islam. Di samping itu garis panduan dalam menjayakan program j-QAF bagi Murid Berkeperluan Khas mestilah dipatuhi sepertimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan juga akta bagi golongan tersebut. Pemerkasaan urus tadbir Pendidikan Islam bagi Murid Berkeperluan Khas dilihat perlu ditekankan. Bagi menjawab persoalan kajian Jadual 3 di bawah dianalisis menunjukkan kandungan dan dapatan meta analisis artikel.

Berdasarkan tabel 3, persoalan kajian dijawab berdasarkan dapatan daripada 11 analisis yang membincangkan tentang pengetahuan dan persediaan Guru Pendidikan Islam dalam mempersiapkan diri untuk mendidik murid-murid bermasalah pembelajaran. Oleh itu analisis artikel mendapati tahap pengetahuan guru terhadap berkaitan Program Pendidikan Khas Integrasi adalah sangat rendah. Ini juga disokong oleh kajian (Mohd Nor & Ismail, 2007). Hal ini menunjukkan pengetahuan Guru Pendidikan Islam yang tidak mendapat latihan dalam bidang Pendidikan Khas tetapi ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI) memberikan kesulitan terhadap peranan GPI dalam melaksanakan j-QAF terhadap murid bermasalah pembelajaran. Hal ini mendatangkan kesukaran kepada GPI yang tidak di latih dalam bidang Pendidikan Khas seperti merancang, melaksanakan dan memahami kerana anak-anak istimewa ini. Seharusnya guru-guru mendapat pengetahuan dan dihantar berkursus untuk menguasai pedagogi pengajaran tersebut dari masa ke semasa. Guru sebagai pelaksana program j-QAF juga perlu menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan

murid-murid berkeperluan khas supaya tidak berasa sukar apabila berhadapan dengan mereka Seterusnya 5 artikel turut menyatakan keperluan guru mempunyai tahap kesediaan mengajar sebelum melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah.

Pembahasan

Hasil daripada dapatan kajian ini turut selari dengan pandangan Aziah Ismail & Abdul Ghani (2014) menyatakan bahawa, aspek kesediaan guru perlu dititik beratkan kerana aspek ini mempunyai pengaruh yang amat tinggi terhadap kejayaan sesuatu perubahan yang dilaksanakan mewujudkan implikasi yang penting dalam hal menyediakan guru kepada perubahan. Selain itu, (Khairul Anwar Abu Bakar, 2014) juga menyatakan bahawa semua guru perlukan persediaan sebelum mengajar bermula sebagai guru pelatih, guru novis sehingga kepada guru mahir dan seterusnya guru pakar. Justeru itu, dapatan kajian tahap kesediaan guru daripada meta analisis yang dijalankan mendapati tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana. Sehubungan dengan itu, GPI juga perlu kepada pengetahuan pedagogi pengajaran bidang pendidikan khas. Ini adalah kerana tahap kesediaan guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan sesuatu program. Sebagai cadangan dan penambah baik kepada pengajaran guru di dalam bilik darjah guru-guru ini juga berpandangan bahawa mereka dapat melaksanakan pengajaran mereka dengan memberikan tumpuan kepada tiga kemahiran murid iaitu bacaan, hafazan dan kefahaman al-Quran mengikut kepada model pengajaran yang telah diberikan (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2015). Ia dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya guru bersedia dengan baik dan memahami setiap kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Sebagai cabang kepada penambah baik kepada program j-QAF terdapat beberapa perkara yang turut dibincangkan dalam artikel tersebut dapat memberi kesan kepada pelaksanaan j-QAF. Di antaranya ialah tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) masih berada pada tahap yang kurang memuaskan khususnya yang berkaitan dengan bahan-bahan pengajaran berasaskan teknologi dan multi media. GPI disarankan menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang berasaskan teknologi selari dengan pengajaran abad ke 21.

Implikasi pelaksanaan j-QAF bagi guru Pendidikan Islam dalam program pendidikan khas Integrasi ialah memberi ruang kepada kepada GPI mempelajari bidang yang baharu di samping meningkatkan profesional keguruan. Guru Pendidikan Islam yang ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi juga perlu dibekalkan dengan ilmu Pendidikan Khas. Ini adalah kerana, perbezaan daripada pelbagai

aspek kognitif, fizikal dan tingkah laku (Bahasa, Lisan, & Omar, 2011). Ia juga membantu guru pendidikan Islam yang sedia ada di kelas perdana membimbing murid yang diinkluskikan secara penuh. GPI akan sentiasa bersedia menerima keadaan murid dan turut mempelbagaikan kaedah pengajaran agar bersesuaian dengan kebolehan anak-anak didik mereka. Hasil daripada kerjasama Badan Pendidikan Khas dan Unit Pendidikan Islam memberikan impak terhadap murid dalam mendapat pendidikan yang sepatutnya dari sudut keagamaan dan penghayatan cara hidup Islam. Impak artikel ini kepada pihak Bahagian Unit latihan Guru pula ialah dapat mengenal pasti bidang dan aspek ilmu yang amat diperlukan oleh guru daripada masa ke semasa.

KESIMPULAN DAN SARAN

Kesimpulan

Sebagai seorang Guru Pendidikan Islam (GPI) pelbagai aspek yang perlu dititik beratkan. Ini termasuklah kemahiran profesional yang perlu dimiliki oleh seorang guru terdiri daripada kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran merancang, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengurus. Sehubungan dengan itu, guru-guru Pendidikan Islam seharusnya memiliki kemahiran dalam semua bidang yang dinyatakan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kualiti Pengajaran guru dalam Pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI).

Saran

Saran kajian lanjutan yang boleh dijalankan hasil dapatan kajian ini ialah kajian berkaitan kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk diaplikasikan terhadap murid bermasalah pembelajaran dalam pelaksanaan j-QAF. Ini adalah kerana kaedah pengajaran yang bersesuaian amat penting bagi memastikan impak dan kesan yang lebih baik bagi memperkasa dan memperkukuhkan kaedah pengajaran j-QAF khusus bagi murid-murid berkeperluan khas. Proses pelaksanaan j-QAF ini di lihat secara berperingkat-peringkat dan dengan adanya di dalam PKKI memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti pengetahuan guru berkaitan profesional keguruan serta peranan yang diperlu dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam menambah baik amalan pengajaran j-QAF terhadap murid-murid berkeperluan khas.

DAFTAR RUJUKAN

- Ab. Halim T., Ahmad M. I. Amal H. Md. Noor, & Mohd I. M. P., (2013) Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 1–17. Ad Nor Azli Ismail, & Jamil Ahmad. 2014. Peranan Game-Based Learning Dalam Pembelajaran Bagi Meningkatkan Prestasi Murid Linus. *In International Seminar On Global Education II: Education Transformation Toward A Develop Nation (pp. 1–19)*.
- Abd A. M. (2012) Tahap penguasaan pengetahuan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012)*, 1–13. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Asmawati S., (2013) Penelitian Dan Pemahaman Terhadap Model Program j-QAF. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan jQAF*, 19–35.
- Bahasa, M., Lisan, B., & Omar, S (2011) Definisi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran. *DP. Jilid Bil*, 11(1).
- Bhasah A. B., Mohd N. M. S. Abdul J. S., Safaruddin U., Azlan D., Mohd Y. A. W., & Mahyuddin A. B.. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program J- Qaf Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 -Satu Kajian Kes. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2012*, 1. Retrieved from http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/85.pdf
- Fathiyah M.F., & Asmawati S. (2011) Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membentuk Generasi Unggul. *In World Congress For Islamic History and Civilization: Islam and Education (pp. 63–79)*.
- Fathiyah M. F., Nor H. A., Azimi H., L. A. M. (2013) Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1–16.
- Fatimah, A., & Halim, T(2010) Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Hajarul B.Z., Mohd H. A. H., Bani H., Mohd S., N. H. F. T. & N. K. (2010) Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *In The 4th Conference on Teacher Education (pp. 751–762)*.
- Hamdi I. (2011) *Amalan pengajaran guru pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Satu kajian kes. *Fakulti Pendidikan*.
- Jasmi, K. A., & Nawawi, N. F (2012) Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. *In Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (pp. 233–238)*. Retrieved from http://eprints.utm.my/40066/1/KamarulAzmiJasmi2012_ModelGuruBerkualitiPerspektifTokoh.pdf
- Kamarul A. J., (2013) Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia (Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia)*, 1–16.
- Khairul A. A. B. (2014) Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar. *Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar*. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2007).
- Mohd A.M. N., Mohd A. A. (2015) J-QAF in empowering Muslim Malaysian national primary school students: issues and challenges. *Elixir International Journal*, 78.
- Mohd A. bin A. (2015) J-QAF in empowering Muslim Malaysian national primary school students: issues and challenges. *Elixir International Journal*, 78.
- Mohd Nor, J., & Ismail, M. L (2007) Kajian stres guru pelatih praktikum KPLI j-QAF. *In Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2001 (pp. 1–14)*.
- Muhamad S. T. M. Y. A (2014) Impak Pengajaran dan Bimbingan GPI. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers) Vol. 5, 5, 1–17*.
- Noor A. A., & N. H. A. H (2015) Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus murid bermasalah pembelajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 73–88.
- Sabariah B., Saiful A.L., & Fakhru A. A.K. (2014). Pelaksanaan Kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 39, 135–157.
- Samsudin Md Noor (2012) Amalan Terbaik Dalam Pedagogi Pendidikan Islam. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012)*, 1–12.
- Sabariah B., Saiful A. L., & Fakhru A. A. K., (2014) Pelaksanaan Kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 39, 135–157.
- Supyan H., (2007) Kesediaan Sekolah-sekolah Agama Islam di Selatan Thailand dalam Melaksanakan Jaminan Kualiti Pendidikan daripada Aspek Proses. *Jurnal Pendidikan (UKM)*, 32, 19–38. Retrieved from <http://www.ukm.my/jurfpnd>